

UCAPAN YANG DIPERTUA UMNO DAN  
PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN  
AGUNG KHAS UMNO DI DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 8HB  
MEI, 1971

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan Rabul'alam in kerana dengan hidayah dan izinNya kita sekelian dapat berhimpun di sini pada hari ini untuk mengkaji semula gerakan dan perjalanan UMNO selama dua puluh lima tahun yang lepas serta dapat pula kita bersama-sama berunding dan berfikir berkenaan dengan dasar dan perjalanan parti kita pada masa yang akan datang. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada saudara-saudara sekelian yang telah datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri dan menjayakan Perhimpunan Agung Khas UMNO ini.

Begitu juga saya mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara kita yang datang dari Sabah dan Sarawak sebagai tetamu khas kita dalam Perhimpunan ini. Saya suka mengambil peluang merakamkan perasaan sukacita dan bangga kita disebabkan kedua negara Sabah dan Sarawak adalah mempunyai Kerajaan yang kukuh dan kuat.

Kepada Y.A.B. Tun Datu Mustapha, Ketua Menteri Sabah, kita sampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kejujuran dan kecekapan beliau mentadbir negeri Sabah dan begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Haji Abdul Rahman Yaakub yang telah mula mengatur langkah mentadbirkan negeri Sarawak. Kita berharap dan kita yakin bahawa hubungan yang erat akan sentiasa terjalin antara ahli-ahli UMNO dengan ahli-ahli bumiputra di Sabah dan Sarawak.

Perhimpunan Agung Khas UMNO ini diadakan pada saat dan ketika yang penting dan bersejarah iaitu pada masa UMNO genap usianya dua puluh lima tahun. Oleh itu, sangatlah sesuai bagi kita pada hari yang bersejarah ini mengingat kembali akan dasar dan perjalanan UMNO pada masa yang lampau, akan jasa-jasa yang telah diperbuat oleh UMNO, supaya dengan itu dapat kita

memandang ke hadapan menentukan dasar dan peranan yang mesti diambil oleh Parti kita pada beberapa tahun yang akan datang.

Setelah berjuang selama dua puluh lima tahun di tengah-tengah gelanggang politik negara kita, saya fikir sudah sampailah masanya bagi kita ahli-ahli UMNO menyemak dan mengkaji semula dasar dan perjalanan Parti kita supaya kita dapat sebenarnya menyesuaikan dasar dan perjalanan Parti dengan aliran zaman dan kehendak-kehendak dan kemahuan orang-orang Melayu khasnya dan kehendak-kehendak negara amnya.

Sejak saya mengambil alih tugas Yang Dipertua UMNO, saya telah mengarahkan supaya diadakan perubahan di mana-mana perlu, terutama untuk memperkemas dan memperlicin jentera Parti kita. UMNO telah ditubuhkan dua puluh lima tahun dahulu dalam suasana dan keadaan yang tertentu. Sekarang keadaan itu sudah pun berubah; oleh itu, mustahaklah kita membuat perubahan yang perlu sesuai dengan keadaan hari ini.

Saya rasa demi kepentingan masa depan negara kita dan juga Parti khasnya, kita perlu mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dengan perubahan-perubahan yang kita alami dari semasa ke semasa dan menerangkan tujuan mengadakan perubahan itu untuk membolehkan kita semua meneruskan dasar yang telah ditetapkan itu, dan menyesuaikannya dengan kehendak-kehendak zaman. Y.T.M. Tunku pernah berkata bahawa UMNO ialah sebuah Parti politik yang menjalankan dasar dan tugasnya sesuai dengan aliran zaman dan kemahuan orang-orang Melayu khasnya dan warga negara Malaysia amnya.

Kita mestilah mengakui hakikat kalau Parti kita UMNO ingin mengekalkan pengaruhnya di kalangan rakyat; untuk mencapai cita-cita dan matlamat kita, kita mestilah mengembelingkan segala tenaga yang ada untuk menghadapi segala cabaran dan masaalah-masaalah di hadapan kita. Masanya sudah sampai dan kita tidaklah boleh berdiam diri jika kita tahu bahawa satu keputusan perlu diambil, atau perubahan perlu dilakukan bagi kemajuan. Kita tidaklah boleh bersikap dingin bahkan mesti sentiasa bergerak maju asalkan kita yakin dan percaya segala tindakan yang kita ambil adalah kerana kepentingan rakyat dan negara.

Pada Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada 23hb Januari yang lepas, saya telah mengumumkan bahawa tujuan mengadakan Perhimpunan Agung Khas hari ini ialah semata-mata untuk membolehkan kita sebagai pemimpin-pemimpin parti dari semua peringkat, membincangkan hal Parti kita pada keseluruhannya. Maka dengan itu, saya harap saudara-saudara sekalian akan memberikan suara dan pendapat dalam perbincangan ini dengan penuh kesedaran dan kejujuran. Soal yang penting yang kita semua hadapi hari ini ialah mengambil satu keputusan muktamad terhadap cadangan Majlis Kerja Tertinggi untuk meminda Perlembagaan Parti kita sepertimana yang telah dibentangkan dalam Kertas Kerja yang telahpun disedia dan diedarkan itu.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Majlis Kerja Tertinggi telahpun mengkaji dengan sehalus-halusnya pindaan-pindaan yang telah dicadangkan itu. Saya sendiri telah juga mengkajinya dengan mendalam tanpa membelakangkan keadaan politik hari ini serta kemahuan orang-orang Melayu sekalian serta harapan mereka kepada kita sebagai Parti terbesar di dalam Perikatan yang mentadbirkan negara kita. Saya berharap saudara-saudara sekalian akan dapat memberi persetujuan serta sokongan yang penuh kepada pindaan-pindaan ini.

Sebagaimana saudara-saudara sedia maklum, dalam masa tiga hari lagi, iaitu pada 11hb Mei, Parti kita akan menyambut hari ulang tahunnya yang ke dua puluh lima. Kejayaan Parti kita memasuki usia suku abad ini bukan sahaja merupakan satu batu tanda sejarah yang penting, tetapi juga menjadi satu peringatan kepada kita supaya menyambung usaha-usaha yang lepas untuk membolehkan Parti kita terus mara ke hadapan. Kita mestilah memperkukuh landasan Parti kita kerana jika landasannya sudah tidak sesuai dengan politik yang sentiasa berubah itu, saya bimbang pula Parti kita tidak akan dapat menyambut Jubili Emasnya kelak.

Dengan kerana itu, Majlis Kerja Tertinggi telah membuat keputusan untuk menyemak semula Perlembagaan UMNO kita ini dan mengambil langkah-langkah yang mustahak bagi meminda mana-mana Fasal yang boleh dianggap sebagai unsur-unsur yang akan menghalang kemajuan Parti kita. Penyemakan ini juga sangat perlu untuk membolehkan Parti kita memainkan peranannya yang utama di samping memenuhi segala tuntutan yang ada

sekarang serta membuat persiapan-persiapan bagi menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan ini bukan sahaja akan mengukuhkan lagi disiplin atau tata tertib di kalangan ahli-ahli Parti pada semua peringkat, bahkan juga menjamin perjalanan Parti akan bergerak maju pada setiap masa. Pindaan-pindaan ini akan mengelakkan segala kerumitan yang boleh menghalang perjalanan atau merosakkan pentadbiran Parti.

Pindaan-pindaan ini akan menentukan masa-masa mesyuarat pada semua peringkat. Di masa-masa yang lepas, mesyuarat Jawatankuasa tidaklah diberikan kepentingan yang sepatutnya, tetapi sekarang kita menentukan masa-masa mesyuarat pada setiap peringkat cawangan, bahagian dan seterusnya. Dengan cara ini, barulah kita dapat mengukur kesanggupan pemimpin Parti dan menekankan rasa tanggungjawab mereka kepada UMNO.

Saya suka juga menerangkan dengan lebih lanjut tentang pindaan-pindaan lain kepada Perlembagaan kita. Pada masa-masa yang lepas, jika seseorang Majlis Kerja Tertinggi meminta berhenti daripada jawatannya dan jika pemberhentiannya itu diterima, maka Majlis Kerja Tertinggi tidak mempunyai kuasa untuk melantik gantinya. Majlis Kerja Tertinggi akan hilang satu tenaga sehinggalah seorang ahli baharu dilantik dalam Perhimpunan Agung yang berikutnya yang hanya diadakan setahun sekali. Dengan kerana tugas dan peranan UMNO hari ini makin bertambah berat, Majlis Kerja Tertinggi tidaklah dapat membiarkan kekosongan itu berterusan.

Oleh yang demikian, Fasal (6) ceraihan 18 dicadangkan supaya dipinda untuk memberi kuasa kepada Majlis Kerja Tertinggi mengisi kekosongan yang timbul itu. Dengan cara ini, Majlis Kerja Tertinggi tidaklah akan mengalami kekosongan yang begitu lama. Pindaan ini adalah sesuai dengan cadangan untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi daripada setahun kepada tiga tahun tanpa diundi pada tiap-tiap tahun seperti yang diamalkan pada masa ini.

Sebagaimana saudara-saudara semua maklum, tempoh satu tahun itu sangatlah singkat dari segi perjuangan politik. Kita tidak dapat mengharapkan sumbangan yang benar-benar berkesan dan efektif dari ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi jika mereka dipilih

pada tiap-tiap tahun. Berikutan dengan cadangan untuk meminda tempoh perkhidmatan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, disusul pula dengan cadangan untuk meminda tempoh perkhidmatan ahli-ahli Jawatankuasa di peringkat Bahagian daripada satu tahun kepada dua tahun. Pindaan ini membolehkan mereka merancang dengan lebih mendalam garis-garis perjuangan Parti di peringkat Bahagian. Cadangan ini, saya rasa, tentu dapat diperseujui oleh saudara-saudara sekalian kerana hanya dengan cara ini baharulah ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi dan pemimpin-pemimpin di peringkat Bahagian benar-benar dapat menjalankan peranan mereka dengan lebih efektif tanpa mengenyahkan rancangan-rancangan jangka panjang yang mungkin tidak dapat dibuat jika tempoh perkhidmatan mereka terhad setahun demi setahun.

Pindaan yang kedua pentingnya ialah untuk memperkuat lagi disiplin Parti. Ini bermakna ahli-ahli Parti tidak kira mereka itu ahli Majlis Kerja Tertinggi ataupun Ketua Bahagian, jika mereka melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar Parti ataupun mereka tidak menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna, mereka boleh dilucutkan dari jawatan itu. Cadangan ini dikemukakan untuk membolehkan sekurang-kurangnya 2/3 daripada ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi memberhentikan seseorang ahli Majlis Kerja Tertinggi jika didapati ahli itu menyeleweng dari tugasnya. Seterusnya adalah dicadangkan Majlis Kerja Tertinggi diberi kuasa supaya boleh menggantikan ahli yang dipecat itu selain dari kuasa untuk mengganti mana-mana pegawai UMNO di sebarang peringkat yang telah berhenti dari jawatan mereka. Saya percaya cadangan-cadangan ini bukan sahaja akan dapat mengukuhkan lagi disiplin UMNO di semua peringkat bahkan juga akan dapat mengekalkan perpaduan Parti serta mengwujudkan sikap bertanggungjawab bukan sahaja di kalangan ahli-ahli Parti bahkan lebih-lebih lagi di kalangan pimpinan UMNO.

Satu lagi cadangan yang juga penting ialah berkenaan dengan hubungan Parti dengan Kerajaan. Tujuan mengadakan cadangan ini ialah kerana terdapat ahli-ahli parti yang memegang jawatan dalam Kerajaan tidak mengambil berat sangat untuk melaksanakan dasar-dasar Parti dan kerap kali hubungan mereka dengan Parti menimbulkan beberapa tandatanya di kalangan ahli-ahli dan Fasal (18) dicadangkan untuk menegaskan tanggungjawab

tiap-tiap ahli yang dipilih ataupun dilantik melalui Parti bagi memegang jawatan dalam Kerajaan supaya melaksanakan dasar-dasar Parti dan mereka akan bertanggungjawab di atas kesempurnaan perhubungan antara Parti dengan Kerajaan.

Di samping itu, adalah mustahak segala dasar pokok yang akan dijalankan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri hendaklah memastikan bahawa dasar-dasar Parti yang telah dipersetujui itu dilaksanakan dengan sepenuhnya. Di dalam hal ini, Majlis Kerja Tertinggi adalah bertanggungjawab menentukan garis-garis panduan bagi menjayakan tujuan-tujuan Parti di dalam Kerajaan. Dengan lain perkataan, pelaksanaan cadangan ini dengan sendirinya akan mewujudkan satu sistem pemerintahan di mana pentadbiran negara adalah benar-benar berasaskan kepada pimpinan politik atau "political leadership" serta membuktikan bahawa Kerajaan yang memerintah benar-benar mendapat dukungan Parti.

Satu lagi cadangan pindaan ialah mengadakan satu sistem yang mewajibkan seorang ahli Parti yang menjadi anggota Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau Majlis Tempatan di sebarang peringkat ataupun memegang sesuatu jawatan melalui Parti supaya membayar sumbangan bulanan. Majlis Kerja Tertinggi akan berhak membuat peraturan mengenai bayaran bulanan ini. Saya rasa pindaan ini sangatlah mustahak kerana di masa-masa yang lampau ada setengah-setengah ahli yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka tentang bayaran bulanan ini.

Saya juga bercadang hendak mengenakan pindaan ini kepada semua ahli UMNO yang mendapat sebarang faedah daripada Parti selain dari apa yang saya sebutkan di atas tadi. Tujuan kita ialah supaya Parti kita dapat mengukuhkan kedudukan kewangannya dan di samping itu menyedarkan tanggungjawab setiap ahli Parti yang telah mendapat faedah dari Parti terhadap UMNO.

Berkenaan dengan lantikan wakil ke Perhimpunan Agung Tahunan, adalah dicadangkan bagi peringkat Bahagian, dilantik seorang wakil bagi tiap-tiap 500 orang ahli yang telah menjelaskan yuran pada tahun lalu dan tidak seorang wakil bagi 250 orang ahli seperti yang berjalan sekarang ini. Tujuan pindaan ini ialah hendak mengurangkan sedikit bilangan perwakilan oleh kerana UMNO semakin hari semakin bertambah ramai ahlinya dan Perhimpunan Agung telah menjadi terlalu besar dan ramai sehingga

tidak ada tempat yang cukup besar untuk menampung perwakilan bagi Perhimpunan Agung.

Satu lagi pindaan ialah berkenaan dengan kuasa menentukan calon-calon bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Menurut Perlembagaan yang ada sekarang ini, kuasa ini adalah di tangan Majlis Kerja Tertinggi dan Majlis Kerja Tertinggi dikehendaki menjalankan kuasa ini setelah berunding dengan Jawatankuasa Kerja Bahagian. Cara ini akan diteruskan, akan tetapi difikirkan tidak lagi perlu bagi Cawangan-cawangan mengemukakan nama-nama calon bagi kawasan masing-masing kerana pada masa yang lampau inilah perkara yang rumit yang selalu menimbulkan perselisihan faham di kalangan ahli-ahli UMNO dan penyokong-penyokongnya.

Oleh itu, difikirkan mustahak kuasa muktamad di atas perkara ini terletak di tangan Majlis Kerja Tertinggi, akan tetapi sebelum memutuskan nama-nama calon, Majlis Kerja Tertinggi dikehendaki berunding dengan Jawatankuasa Kerja Bahagian.

Saya tidaklah berhajat hendak mengulas satu persatu cadangan-cadangan pindaan kepada Perlembagaan ini kerana saya percaya saudara-saudara semua tentulah sudah mengkajinya dengan mendalam. Memadailah sahaja bagi saya menyentuh perkara-perkara yang penting yang saya sebutkan tadi dan sekali lagi saya berharap saudara-saudara sekalian akan membincangkan pindaan-pindaan ini dengan sikap yang ikhlas dan jujur serta memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi untuk meluluskan pindaan-pindaan itu.

Sebagaimana seringkali saya katakan, negara kita sedang menghadapi cabaran-cabaran baharu di samping kita menyelesaikan masalah yang sekarang ada di hadapan kita. Kejayaan kita membawa bahtera negara menuju pantai bahagia bergantung semata-mata kepada perpaduan rakyat dan kemampuan Kerajaan mengatasi segala masalah-masalah masa hadapan ini. Ini terserahlah kepada kemampuan pemimpin-pemimpin Parti menjaga keteguhan dan perpaduan UMNO khususnya dan Perikatan amnya. Pendek kata, masa depan ini benar-benar menghendaki kita memberikan pimpinan yang dinamik dan berkesan kepada rakyat dan negara.

Bersabit dengan ini, saya akan menerangkan dengan ringkas hubungan Parti dengan Kerajaan dan apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan konsep Parti mendukung Kerajaan. Saya harap selepas ini pimpinan UMNO dari semua peringkat akan faham betul-betul tentang hubungan Parti dengan Kerajaan itu.

Asas landasan Parti kita ialah sokongan yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin Parti untuk menjamin supaya terus menguasai Kerajaan untuk seberapa lama. Kekuasaan Kerajaan adalah terletak di tangan Jemaah Menteri yang diketuai dan dipimpin oleh Perdana Menteri. Pada kebiasaannya, Perdana Menteri adalah juga Ketua Parti dan Perdana Menteri lah yang bertanggungjawab kepada Parti bagi menentukan dasar Kerajaan dan melaksanakannya. Garis-garis panduan dasar Kerajaan akan dibentangkan serta dibincangkan dalam Persidangan Agung dari satu masa ke satu masa untuk persetujuannya. Seterusnya Majlis Kerja Tertinggi Parti adalah berhak membincangkan pelaksanaan dasar Kerajaan dari satu masa ke satu masa serta mengawal pelaksanaan dasar-dasar itu sesuai dengan hasrat dan kehendak rakyat.

Dalam hubungan ini, mustahaklah Ketua-ketua Parti pada semua peringkat memahami dan mengetahui hasrat hati nurani rakyat supaya dalam membincangkan dan menggubal dasar Parti kita benar-benar dapat memenuhi kehendak dan harapan mereka itu demi kepentingan dan kemakmuran negara. Inilah ringkasnya proses penguasaan Parti ke atas Kerajaan dan hubungan antara kedua itu.

Menurut konsep ini, susunan jentera Kerajaan adalah satu hak politik di mana pemimpin-pemimpin Parti menentukan garis-garis yang akan dilaksanakan oleh pentadbiran awam bagi memenuhi hasrat dan kehendak-kehendak rakyat jelata. Pemimpin-pemimpin kitalah yang bertanggungjawab memberikan pimpinan kepada pentadbiran awam melaksanakan dasar dan arahan yang dibuat oleh Kerajaan. Dengan cara ini, boleh dipastikan dasar-dasar Kerajaan itu mendapat sokongan rakyat jelata dan akan memberi faedah yang sehabis-habis besar kepada mereka.

Tegas kata, konsep penguasaan parti ke atas Kerajaan adalah berdasarkan kepada keutamaan politik Parti di mana Kerajaan adalah menjadi pemegang amanah rakyat sebagai pengundi-pengundi yang telah meletakkan kepercayaan kepada kita. Segala

tindakan kita mestilah sesuai dengan garis-garis yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan kedaulatan rakyat.

Saya suka memberikan satu contoh untuk menegaskan konsep penguasaan Parti ke atas Kerajaan seperti yang kita amalkan sekarang. Kerajaan Perikatan yang diberi kuasa oleh rakyat untuk mentadbir negara ini telahpun menyiapkan garis-garis dasar yang memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Dasar ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan melalui jentera pentadbiran awam. Pelaksanaan dasar ini sentiasa akan diawasi oleh Parti melalui Jemaah Menteri yang saya pimpin sebagai Perdana Menteri. Pendeknya, pihak pentadbir awam adalah bertanggungjawab kepada kita sebagai Parti pemerintah; dan Parti kitalah yang berkuasa untuk merancang dan menentukan bentuk dasar Kerajaan.

Sementara itu, saudara-saudara pula sebagai pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat Bahagian mempunyai peranan dan tugas menjadi saluran hubungan di antara Kerajaan dengan rakyat jelata. Ini bermakna saudara-saudara sekalian bertanggungjawab untuk memberikan fahaman kepada rakyat mengenai dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Parti kita; di samping itu mengawasi dan memerhatikan pelaksanaan dasar-dasar ini di peringkat masing-masing mendapat sokongan rakyat. Pandangan-pandangan mengenai pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan hendaklah disampaikan kepada Majlis Kerja Tertinggi yang akan mengkaji sikap rakyat terhadap sesuatu dasar dengan tujuan untuk memperbaiki mana-mana dasar yang tidak mendapat sambutan dari mereka.

Sepertimana kita maklum, susunan kekuasaan adalah terbahagi kepada dua peringkat: pertama, di peringkat Kerajaan Pusat, di mana ahli-ahli Kerajaan ialah Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri, dibantu oleh Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik mereka. Di peringkat Negeri pula, Kerajaan adalah terdiri dari Menteri-menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO yang dibantu oleh Setiausaha-setiausaha Politik mereka. Tugas-tugas dan tanggungjawab mereka adalah untuk mengekalkan kekuasaan Parti dengan memenuhi hasrat rakyat yang telah mengundi kita, dan menentukan supaya segala rancangan yang dijanjikan di dalam manifesto-manifesto akan dilaksanakan sepenuhnya.

Pada fikiran saya, inilah cara penguasaan yang amat berkesan sekali ke atas jentera pentadbiran awam. Kuasa terletak di tangan Menteri-menteri besar serta Ahli-ahli EXCO di peringkat negeri, dan di tangan Perdana Menteri serta Jemaah Menteri di peringkat Kerajaan Pusat. Sekiranya terdapat penyelewengan di dalam pelaksanaan dasar Kerajaan oleh pihak pentadbiran awam di mana jua, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin Parti di peringkat yang berkenaan membawanya kepada pengetahuan ahli-ahli EXCO, atau Menteri Besar, atau kepada Menteri-menteri atau Perdana Menteri sendiri, samada melalui mesyuarat Parti, atau melalui pegawai-pegawai yang dilantik khas oleh Menteri-menteri seperti Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik mereka supaya tindakan yang sesuai dapat diambil. Tidaklah wajar pemimpin-pemimpin Parti mengeritik dan memberi arahan secara terus ke atas pegawai yang berkenaan kerana Kerajaan berparti mempunyai sistemnya sebagaimana saya sebutkan tadi.

Saya percaya dengan penerangan ini, saudara-saudara akan faham konsep dan makna penguasaan Parti ke atas Kerajaan. Saya berharap selepas ini kita tidak lagi akan mendengar perselisihan faham di antara Wakil-wakil Rakyat dan pemimpin-pemimpin Parti di semua peringkat dengan pihak pentadbir awam berkenaan dengan soal ini. Tanggungjawab pihak pentadbiran awam adalah menterjemah dan melaksanakan dasar-dasar yang telah diluluskan oleh Parti; pelaksanaan yang tidak sempurna atau berlainan dari tujuan asal adalah dianggap menyeleweng dan mereka yang berkenaan akan dihukum oleh pihak yang berkuasa.

Sungguhpun demikian, sayugialah rasa persefahaman dan kerjasama sentiasa ada di antara pihak pentadbiran awam dengan Parti. Jika tidak, pegawai-pegawai pentadbiran awam tidak akan memahami benar tujuan-tujuan kebangsaan sesuatu dasar dan Wakil-wakil Rakyat tidak pula dapat memahami masalah-masalah pentadbiran yang mungkin dihadapi oleh pihak pentadbiran awam dalam melaksanakan sesuatu dasar itu. Dengan demikian, sangatlah penting bagi kita memupuk hubungan silaturahim dan muhibbah ini untuk faedah bersama, demi kepentingan bangsa dan negara.

Setelah menyemak semula dasar dan Perlembagaan Parti kita, saya yakin UMNO akan dapat berjalan dengan lebih lancar dan licin pada masa hadapan. Seperti yang telah saya tegaskan di

Perhimpunan Agung dahulu, kita menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang rumit dalam tahun-tahun tujuh-puluhan ini. Sebagai Parti yang mendukung Kerajaan, amatlah mustahak kita mengatasi masalah-masalah ini bukan sahaja kerana ini adalah tanggungjawab kita bahkan lebih penting lagi kemampuan kita menyelesaikan masalah-masalah ini akan menentukan untung nasib negara dan bangsa.


Sebagaimana yang saya katakan dahulu, Kerajaan yang saya pimpin sekarang ini berazam hendak membawa kemakmuran dan keamanan kepada negara kita yang dikasihi ini dengan menanamkan perasaan muhibbah dan perpaduan yang berkekalan menerusi Rukunegara dan menerusi usaha-usaha Majlis Perpaduan Negara dan Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah. Dengan izin Allah, dalam sidang Parlimen bulan Julai ini saya akan membentangkan Rancangan Lima Tahun Kedua, yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membaiki kedudukan ekonomi yang tidak seimbang serta menjamin kesetabilan dan keutuhan negara.

Sepertimana kita maklum, Dasar Ekonomi Baru ini mempunyai dua matlamat utama: pertama, ialah untuk mengatasi masalah pengangguran dan membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa dan tempat; dan kedua, mencapai perpaduan negara dengan cara mengseimbangkan kedudukan ekonomi negara serta menghapuskan corak pekerjaan yang berbelah bagi menurut bangsa—*identification of vocation by race*.

Saya sukacita menyatakan bahawa Kerajaan telahpun merangka strategi-strategi yang realistik untuk mencapai kedua-dua matlamat ini. Kita akan mengadakan rancangan-rancangan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat jelata yang tidak berada, baik di luar bandar mahu pun di dalam bandar. Dalam hubungan ini, kita akan terus meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi (*economic growth*) dengan cara memperhebatkan lagi rancangan pembangunan pertanian dan perusahaan termasuklah penyertaan Kerajaan dalam rancangan-rancangan pembangunan ini. Seterusnya kita perlu mewujudkan satu golongan pengusaha dan pedagang di kalangan orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra pada semua lapisan dengan cara re-structuring atau menyusun semula masyarakat Melayu di luar bandar yang semata-mata bergantung kepada pertanian dan mengubahnya menjadi

masyarakat moden yang berlandaskan perusahaan dan perdagangan di samping pertanian.

Saya sudah pun menyatakan keputusan Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan-perusahaan di bandar-bandar dalam kawasan luar bandar selain daripada menggalakkan perusahaan-perusahaan di bandar-bandar besar. Untuk tujuan ini, mustahaklah kita membawa orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain ke bandar-bandar besar di mana terdapat perusahaan-perusahaan dan perindustrian yang sudah berkembang maju. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri akan mengambil bahagian dalam perusahaan-perusahaan baru ini samada secara sendirian ataupun secara joint-venture dengan pihak swasta. Potential untuk perusahaan-perusahaan baru di bandar-bandar dan di kawasan luar bandar amatlah baik terutama "agro-based industries" yang berlandaskan kayu-kayan dan bahan-bahan makanan.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berucap di Persidangan UMNO tahun 1971,  
pada 8hb Mei, 1971.

(Gambar Album Pejabat UMNO 1971)